

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (PEMULIHARAAN DAN KULTUR KERANG) 2002

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama.
2. Tafsiran.
3. Larangan mengambil apa-apa anak kerang.
4. Larangan mengambil benih kerang atau kerang dewasa.
5. Masa yang dibenarkan untuk mengambil benih kerang dan kerang dewasa dari tapak kerang semula jadi.
6. Permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengambil benih kerang atau kerang dewasa.
7. Kuasa Ketua Pengarah untuk meluluskan atau menolak permohonan.
8. Pengeluaran lesen untuk mengambil benih kerang atau kerang dewasa.
9. Penjualan dan pembelian benih kerang.
10. Permohonan untuk mendapatkan lesen bagi membeli benih kerang.
11. Kuasa Ketua Pengarah untuk meluluskan atau menolak permohonan.
12. Pengeluaran lesen untuk membeli benih kerang.
13. Tempoh kesahan lesen.
14. Pembatalan atau penggantungan lesen.
15. Pembaharuan lesen.
16. Penalti am.
17. Kecualian dan pembatalan.

JADUAL.

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (PEMULIHARAAN DAN KULTUR KERANG) 2002*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 61 Akta Perikanan 1985¹, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Nama.

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002**.

2. Tafsiran.

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak kerang” ertinya kerang yang berukuran empat milimeter atau kurang yang diukur mengikut garis lurus yang melintang bahagian cangkerang yang paling lebar;

“benih kerang” ertinya kerang yang berukuran lebih daripada empat milimeter tetapi kurang daripada dua puluh lima milimeter yang diukur mengikut garis lurus yang melintang bahagian cangkerang yang paling lebar;

“kerang” ertinya moluska dwicangkerang yang boleh dimakan yang dikenali sebagai *Anadara granosa*, *Anadara ovalis* dan *Barbati sp*;

“kerang dewasa” ertinya kerang yang berukuran dua puluh lima milimeter atau lebih yang diukur mengikut garis lurus yang melintang bahagian cangkerang yang paling lebar;

“pembeli benih kerang berlesen” ertinya seseorang yang telah diberikan suatu lesen untuk membeli benih kerang di bawah peraturan 10;

“penternak kerang berlesen” ertinya seseorang yang telah diberikan suatu lesen untuk menternak kerang dalam suatu sistem kultur laut di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Sistem Kultur Laut) 1990²;

“peralatan mekanikal” ertinya suatu alat atau mekanisme yang digunakan untuk menyedut kerang secara mekanik dari mana-mana tapak kerang;

“tangguk bergalah” ertinya suatu alat yang dibuat daripada apa-apa bahan dan dalam apa-apa bentuk, yang dipasangkan kepada suatu galah yang dibuat daripada apa-apa bahan, yang digunakan untuk mengambil kerang dengan cara menundanya di atas permukaan dasar laut;

* Diterbitkan sebagai PU(A) 405/02.

¹ Akta 317.

² PU(A) 131/90.

“tangguk tangan” ertinya suatu alat yang dibuat daripada apa-apa bahan yang digunakan untuk menangguk kerang dari permukaan dasar laut dengan menggunakan tangan;

“tapak kerang kultur” ertinya suatu kawasan di mana kerang telah dipindahkan dan dibenarkan untuk membesar dalam kultur;

“tapak kerang semula jadi” ertinya suatu kawasan di mana benih kerang wujud secara semula jadi.

3. Larangan mengambil apa-apa anak kerang.

(1) Tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa anak kerang dari suatu tapak kerang semula jadi atau tapak kerang kultur.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

4. Larangan mengambil benih kerang atau kerang dewasa.

(1) Tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa benih kerang atau kerang dewasa dari suatu tapak kerang semula jadi atau tapak kerang kultur melainkan jika dia telah diberikan suatu lesen untuk mengambil kerang oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan 8.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

5. Masa yang dibenarkan untuk mengambil benih kerang dan kerang dewasa dari tapak kerang semula jadi.

Benih kerang dan kerang dewasa boleh diambil dari tapak kerang semula jadi pada waktu siang hari antara jam enam pagi hingga jam enam petang.

6. Permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengambil benih kerang atau kerang dewasa.

(1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengambil benih kerang atau kerang dewasa dari suatu tapak kerang semula jadi dengan menggunakan tangguk tangan hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama kepada Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan dokumen yang berkaitan.

(2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengambil benih kerang atau kerang dewasa dari suatu tapak kerang kultur dengan menggunakan tangguk tangan hendaklah dibuat dalam Borang B Jadual Pertama kepada Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan dokumen yang berkaitan.

(3) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengambil benih kerang atau kerang dewasa dari suatu tapak semula jadi atau tapak kerang kultur dengan menggunakan peralatan mekanik atau tangguk bergalah hendaklah dibuat dalam Borang C Jadual Pertama kepada Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan dokumen yang berkaitan.

7. Kuasa Ketua Pengarah untuk meluluskan atau menolak permohonan.

Apabila sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengambil benih kerang atau kerang dewasa di bawah peraturan 6 diterima, Ketua Pengarah hendaklah mempertimbangkan permohonan itu dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

8. Pengeluaran lesen untuk mengambil benih kerang atau kerang dewasa.

(1) Jika sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah peraturan 6 telah diluluskan, Ketua Pengarah hendaklah, setelah dibayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, mengeluarkan lesen bagi mengambil benih kerang atau kerang dewasa kepada pemohon.

(2) Lesen itu boleh tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) pemegang lesen itu hendaklah mengambil benih kerang dari tapak kerang semula jadi atau tapak kerang kultur yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah;
- (b) pemegang lesen itu hendaklah mendaratkan benih kerang itu di kawasan pendaratan yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah;
- (c) pemegang lesen itu hendaklah menjual benih kerang itu kepada pembeli benih kerang yang berlesen; dan
- (d) apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh ketua Pengarah.

9. Penjualan dan pembelian benih kerang.

(1) Tiada seorang pun boleh dibenarkan menjual apa-apa benih kerang melainkan jika dia telah dikeluarkan suatu lesen untuk mengambil benih kerang di bawah peraturan 8.

(2) Tiada seorang pun boleh dibenarkan membeli apa-apa benih kerang melainkan jika dia ialah seorang penternak kerang berlesen dan dia telah dikeluarkan suatu lesen untuk membeli benih kerang di bawah peraturan 12.

10. Permohonan untuk mendapatkan lesen bagi membeli benih kerang.

Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi membeli benih kerang hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Pertama kepada Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan dokumen yang berkaitan.

11. Kuasa Ketua Pengarah untuk meluluskan atau menolak permohonan.

Apabila sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi membeli benih kerang di bawah peraturan 10 diterima, Ketua Pengarah hendaklah mempertimbangkan permohonan itu dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

12. Pengeluaran lesen untuk membeli benih kerang.

(1) Jika sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen bagi membeli benih kerang di bawah peraturan 10 telah diluluskan, Ketua Pengarah hendaklah, setelah dibayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, mengeluarkan lesen bagi membeli benih kerang kepada pemohon.

(2) Lesen itu boleh tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) pemegang lesen itu hendaklah membeli benih kerang daripada seseorang yang telah diberikan lesen untuk mengambil benih kerang di bawah peraturan 8;
- (b) pemegang lesen itu hendaklah membeli benih kerang di tempat yang dinyatakan dalam lesen itu;
- (c) pemegang lesen itu hendaklah memaklumkan tarikh dan masa dia bercadang untuk memindahkan benih kerang itu ke tapak kerang kulturnya;
- (d) pemegang lesen itu boleh dikehendaki memindahkan benih kerang itu di bawah pengawasan seorang pegawai perikanan;
- (e) pemegang lesen itu hendaklah memindahkan benih kerang itu tidak lewat dari tarikh dan masa yang dinyatakan dalam lesennya;
- (f) pemegang lesen itu tidak boleh melupuskan benih kerang itu dengan apa jua cara yang lain;
- (g) pemegang lesen itu hendaklah memberikan apa-apa data, maklumat dan perangkaan berhubungan dengan pembelian benih kerang itu apabila dikehendaki oleh Ketua Pengarah; dan
- (h) apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut untuk dikenakan oleh Ketua Pengarah.

13. Tempoh kesahan lesen.

Mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah, melainkan jika dibatalkan atau digantung atau dinyatakan selainnya dalam lesen, sah bagi tempoh tidak lebih daripada dua belas bulan kalendar dari tarikh pengeluaran lesen itu.

14. Pembatalan atau penggantung lesen.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, atau menggantung selama suatu tempoh yang difikirkannya patut, mana-mana lesen yang dikeluarkan di

bawah Peraturan-Peraturan ini jika pemegang lesen gagal untuk mematuhi mana-mana syarat dalam lesen itu.

15. Pembaharuan lesen.

Sesuatu permohonan untuk pembaharuan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah boleh membaharui atau enggan membaharui lesen itu.

16. Penalti am.

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini yang mana tidak diperuntukkan secara nyata atau gagal untuk mematuhi mana-mana syarat dalam lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

17. Kecualian dan pembatalan.

(1) Peraturan-peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang), 1964¹ dibatalkan.

(2) Semua lesen, pendaftaran atau tindakan yang dikeluarkan, dibuat atau diambil di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan itu hendaklah terus berkuat kuasa sehingga lesen, pendaftaran atau tindakan itu habis tempoh atau dibatalkan.

JADUAL PERTAMA
[Peraturan 6 dan 10]

Borang A

AKTA PERIKANAN 1985

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(PEMULIHARAAN DAN KULTUR KERANG) 2002

Ketua Pengarah,
Jabatan Perikanan,
Malaysia.

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN BAGI MENGAMBIL
*BENIH KERANG/KERANG DEWASA DARI TAPAK KERANG SEMULA
JADI DENGAN MENGGUNAKAN TANGGUK TANGAN**

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMOHON

1. Nama:

¹ L.N. 428/1964.

2. Nombor kad pengenalan:
3. Alamat:
4. Nombor kad pendaftaran nelayan:
5. Nombor ahli persatuan nelayan:

B. BUTIR-BUTIR VESEL PENANGKAPAN IKAN

1. Nombor pendaftaran (*pemunya vesel/kru vesel):
2. Nama pemunya vesel:
3. Nombor buku lesen *vesel/alat penangkapan ikan (satu salinan lesen disertakan):
4. Jenis alat penangkapan ikan yang berlesen:
5. Pangkalan vesel penangkapan ikan:
6. Tarikh lesen habis tempoh:

C. BUTIR-BUTIR PENGAMBILAN *BENIH KERANG/KERANG DEWASA

1. Lokasi tapak kerang:
2. Kawasan pendaratan kerang:

D. PERAKUAN PEMOHON

Saya dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar.

Tarikh:

.....
Tandatangan pemohon

(untuk kegunaan pejabat)

Permohonan diterima pada:

Nombor rujukan fail:

Ulasan:

Permohonan *diluluskan/ditolak.

Tarikh:

.....
Ketua Pengarah

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Borang B
AKTA PERIKANAN 1985
PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(PEMULIHARAAN DAN KULTUR KERANG) 2002

Ketua Pengarah,
Jabatan Perikanan,
Malaysia.

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN BAGI MENGAMBIL
“BENIH KERANG/KERANG DEWASA DARI TAPAK KERANG KULTUR
DENGAN MENGGUNAKAN TANGGUK TANGAN**

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMOHON

1. Nama:
2. Nombor kad pengenalan:
3. Alamat:
.....
4. Nombor kad pendaftaran nelayan:
5. Nombor ahli persatuan nelayan:

B. BUTIR-BUTIR VESEL PENANGKAPAN IKAN

1. Nombor pendaftaran vesel (*pemunya vesel/kru vesel):
2. Nama pemunya vesel:
3. Nombor buku lesen *vesel/alat penangkapan ikan (satu salinan lesen disertakan):
.....
4. Jenis alat penangkapan ikan yang berlesen:
5. Pangkalan vesel penangkapan ikan:
6. Tarikh lesen habis tempoh:

C. BUTIR-BUTIR PENGAMBILAN BENIH KERANG

1. Kawasan pendaftaran benih kerang:

D. BUTIR-BUTIR PENGAMBILAN KERANG DEWASA

1. Nama projek kultur kerang:
2. Nombor pendaftaran sistem kultur laut:
3. Kawasan projek:

Garis lintang	U	Garis bujur	T
Garis lintang	U	Garis bujur	T
Garis lintang	U	Garis bujur	T
Garis lintang	U	Garis bujur	T

4. Keluasan projek (dalam hektar):
5. Nombor lesen sistem kultur laut dan tarikh habis tempoh:
6. Nombor lesen menduduki sementara dan tarikh habis tempoh:

E. PENGAKUAN PEMOHON

Saya dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar.

Tarikh:
.....
Tandatangan pemohon

(untuk kegunaan pejabat)

Permohonan diterima pada:
 Nombor rujukan fail:
 Ulasan:
 Permohonan *diluluskan/ditolak.

Tarikh:
.....
Ketua Pengarah

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Borang C

AKTA PERIKANAN 1985
 PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
 (PEMULIHARAAN DAN KULTUR KERANG) 2002

Ketua Pengarah,
 Jabatan Perikanan,
 Malaysia.

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN BAGI MENGAMBIL
 *BENIH KERANG/KERANG DEWASA DARI *TAPAK KERANG SEMULA
 JADI/TAPAK KERANG KULTUR DENGAN MENGGUNAKAN *PERALATAN
 MEKANIKAL/TANGGUK BERGALAH**

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMOHON

1. Nama:
2. Nombor kad pengenalan:

3. Alamat:
4. Nombor kad pendaftaran nelayan:
5. Nombor ahli persatuan nelayan:

B. BUTIR-BUTIR VESEL PENANGKAPAN IKAN

1. Nombor pendaftaran vesel (*pemunya vesel/kru vesel):
2. Nama pemunya vesel:
3. Nombor buku lesen *vesel/alat penangkapan ikan (satu salinan lesen disertakan):
.....
4. Jenis alat penangkapan ikan yang berlesen:
5. Pangkalan vesel penangkapan ikan:
6. Tarikh lesen habis tempoh:

C. BUTIR-BUTIR PENGAMBILAN *BENIH KERANG/KERANG DEWASA DARI TAPAK KERANG SEMULA JADI

Lokasi tapak kerang:

D. BUTIR-BUTIR PENGAMBILAN *BENIH KERANG/KERANG DEWASA DARI TAPAK KERANG KULTUR

1. Nombor projek kultur kerang:
2. Nombor pendaftaran sistem kultur laut:
3. Kawasan projek:

Garis lintang	U	Garis bujur	T
Garis lintang	U	Garis bujur	T
Garis lintang	U	Garis bujur	T
Garis lintang	U	Garis bujur	T
4. Keluasan projek (dalam hektar):
5. Nombor lesen sistem kultur laut dan tarikh habis tempoh:
6. Nombor lesen menduduki sementara dan tarikh habis tempoh:

E. BUTIR-BUTIR KAWASAN PENDARATAN DAN ALAT YANG DIGUNAKAN UNTUK MENGAMBIL KERANG

1. Kawasan pendaratan kerang (untuk benih kerang sahaja):
2. Alat yang digunakan untuk mengambil *benih kerang/kerang dewasa:

F. PENGAKUAN PEMOHON

Saya dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar.

Tarikh:
.....
Tandatangan pemohon

(untuk kegunaan pejabat)

Permohonan diterima pada:

Nombor rujukan fail:

Ulasan:

Permohonan *diluluskan/ditolak.

Tarikh:
.....
Ketua Pengarah

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

Borang D
AKTA PERIKANAN 1985
PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN
(PEMULIHARAAN DAN KULTUR KERANG) 2002

Ketua Pengarah,
Jabatan Perikanan,
Malaysia.

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN BAGI MEMBELI BENIH KERANG

A. BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMOHON

1. Nama pemohon (*individu/syarikat):
2. Nombor kad pengenalan:
3. Alamat pemohon (*individu/syarikat)
4. Nombor pendaftaran syarikat:
5. Tempat untuk membeli benih kerang:

B. BUTIR-BUTIR PROJEK TAPAK KERANG KULTUR:

<i>Nama projek</i>	<i>Nombor lesen sistem kultur laut dan tarikh lesen habis tempoh</i>	<i>Luas kawasan projek (dalam hektar)</i>	<i>Jumlah benih kerang yang diperlukan (bilangan guni)</i>
i.			
ii.			
iii.			

C. PENGAKUAN PEMOHON

Saya dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar.

Tarikh:

.....

Tandatangan pemohon

(untuk kegunaan pejabat)

Permohonan diterima pada:

Nombor rujukan fail:

Ulasan:

.....

Permohonan *diluluskan/ditolak.

Ulasan:

.....

.....

Tarikh:

.....

Ketua Pengarah

† Sila gunakan kertas yang berasingan jika ruang yang diberikan tidak mencukupi.

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

JADUAL KEDUA
[Peraturan 8 dan 12]

FI

1.	Lesen bagi mengambil kerang dewasa dari tapak kerang semula jadi dengan menggunakan tangguk tangan	RM10.00
2.	Lesen bagi mengambil kerang dewasa dari tapak kerang kultur dengan menggunakan tangguk tangan	RM20.00
3.	Lesen bagi mengambil benih kerang dari suatu tapak kerang semula jadi atau tapak kultur kerang dengan menggunakan tangguk tangan	RM20.00
4.	Lesen bagi mengambil benih kerang atau kerang dewasa dengan menggunakan tangguk bergalah	RM50.00
5.	Lesen bagi mengambil benih kerang atau kerang dewasa dengan menggunakan peralatan mekanikal	RM100.00
6.	Lesen untuk membeli benih kerang	RM200.00

Dibuat 30 Ogos 2002.